



PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 3 TAHUN 2023

**PENAMBAHBAIKAN STRUKTUR ORGANISASI DAN TADBIR URUS UNIVERSITI
MALAYSIA TERENGGANU (UMT) TAHUN 2023**

Tujuan

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penambahbaikan struktur organisasi dan tadbir urus UMT tahun 2023.

Latar Belakang

2. Sebagai sebuah universiti yang dinamik dan berdaya saing, UMT perlu memastikan struktur organisasi dan fungsinya yang menjadi asas kepada tadbir urus yang cemerlang sentiasa dikemas kini dan relevan dengan keperluan semasa.

Penambahbaikan Struktur Organisasi dan Tadbir Urus UMT

3. Selaras dengan perkembangan semasa Universiti serta tuntutan keperluan pelbagai pihak dan pemegang taruh, Jawatankuasa Pengurusan Universiti dalam mesyuaratnya Kali Ke-283 (Bil. 7 Tahun 2023) telah bersetuju menambahbaik struktur organisasi dan tadbir urus UMT sepertimana berikut:
 - a) Penaiktarafan Jabatan Kokurikulum Berkredit kepada **Pusat Kokurikulum dan Citra Pelajar**. Pusat ini bertanggungjawab menawarkan kursus Teras dan Elektif bersifat kemahiran, pembinaan jati diri, disiplin, kelenturan adab dan nilai formal, non formal dan informal untuk meningkatkan keupayaan bersaing pelajar, di samping mengendalikan program intervensi secara berpusat kepada pelajar yang tidak mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan. Pusat ini merupakan pusat tanggungjawab (PTj) Tier 1 di bawah portfolio Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).
 - b) Penubuhan **Pusat Pembangunan dan Pemerksaan Mahasiswa (PPPM)** di bawah Portfolio Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni). PTj Tier 1 ini bertanggungjawab membimbing, memudahcara dan menyokong mahasiswa mencapai tahap pemerksaannya.

- c) Penjenamaan semula Pusat Pembangunan Holistik dan Kaunseling Pelajar kepada **Pusat Kaunseling dan Kesejahteraan Mahasiswa (PKKM)**. Fungsi utama PKKM adalah sebagai pusat kaunseling pelajar dengan penambahan fungsi baharu iaitu kawalselia kepada fungsi kesejahteraan mahasiswa.
 - d) Pusat Kaunseling dan Kesejahteraan Mahasiswa, Pusat Kebudayaan dan Kesenian serta Pusat Sukan dan Rekreasi merupakan PTj Tier 2 di bawah Pejabat Hal Ehwal Pelajar.
 - e) Peralihan pentadbiran bagi Pusat Logistik dan Pengangkutan Maritim Malaysia (MaLTraC) **daripada Fakulti Pengajian Maritim (FPM) kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)**. Peralihan pentadbiran ini dijangka dapat memperluaskan lagi skop perkhidmatan yang boleh diberikan oleh MaLTraC kepada fakulti-fakulti lain di UMT dan tidak hanya tertumpu kepada FPM sahaja.
 - f) Penubuhan **Pusat Inovasi Strategik (PIS)** dengan kerjasama UMT dan Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (UMT-YPUT) di bawah pengurusan Pusat Inovasi dan Pengkomersialan. PIS akan berfungsi sebagai pusat hebahan harta intelek UMT serta menjadi tempat latihan dan pemindahan teknologi harta intelek Universiti kepada semua pemegang taruh.
4. Carta organisasi terkini UMT adalah seperti di **Lampiran 1**.

Tarikh Kuat Kuasa


5. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa pada **1 Ogos 2023**. Sehubungan itu, seluruh warga UMT dimohon untuk mengambil maklum mengenai penambahbaikan struktur organisasi dan tadbir urus UMT tersebut.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



ZUKIFEREE BIN IBRAHIM
Pendaftar
Universiti Malaysia Terengganu



Pusat Tanggungjawab Tier 1 = 38
 Pusat Tanggungjawab Tier 2 = 8